

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PERAYAAN HARI GURU PERINGKAT**  
**NEGERI TERENGGANU**  
**DI DEWAN BESAR SM TEKNIK, KUALA TERENGGANU**  
**13 JUN 2002**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Dan salam sejahtera

Tuan-tuan dan puan-puan

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwata'la kerana dengan hidayahNya dapat kita berada di sini bagi meraikan sambutan Hari Guru peringkat negeri Terengganu. Kehadiran kita semua pada hari ini adalah penting sebagai tanda penghormatan dan penghargaan kita terhadap kaum guru dan para pendidik di seluruh tanah air.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik. Kita sedia maklum, Hari Guru diadakan bagi memperingati peranan yang dimainkan oleh guru dan pendidik dalam membentuk budaya, tamadun dan keilmuan bangsa kita. Sama ada bangsa kita maju atau mundur banyak bergantung kepada masyarakat guru. Walaupun ibu bapa juga memainkan peranan, tetapi pengalaman dan pengetahuan mereka dalam membentuk peribadi dan sifat-sifat anak adalah terhad. Akhirnya gurulah yang akan menentukan karektor dan kebolehan anak yang bakal menjadi warga negara, bahkan bangsa keseluruhannya.

Tidak akan berjaya sesiapa memindahkan budaya dan ilmu kepada orang lain jika ianya sendiri tidak memiliki keupayaan yang diperlukan. Mungkin ada guru-guru yang dilahirkan dengan sifat-sifat keguruan. Tetapi di zaman ini di mana permintaan untuk mendapat pendidikan begitu besar, kita tidak boleh berharap semata-mata kepada bakat keguruan yang semula jadi. Kita perlu mengadakan latihan yang tersusun untuk mewujudkan jumlah guru yang mencukupi. Seperti dengan keperluan mengadakan guru untuk murid, kita juga memerlukan guru untuk melatih guru. Jika kaliber guru yang melatih guru, iaitu pensyarah-pensyarah dan profesor- profesor dalam institusi-institusi perguruan rendah, maka bukan sahaja budaya dan keilmuan guru rendah, murid-murid juga rendah tetapi warga negara yang kita bentuk juga akan berkualiti rendah. Justeru itu, ternampak jelas kaitan yang rapat di antara kemajuan bangsa dengan maktab-maktab perguruan. Jika kualiti maktab kita rendah maka kualiti bangsa kita juga akan menjadi rendah.

Guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid tetapi bertanggungjawab juga kepada pembentukan peribadi murid iaitu nilai-nilai hidup yang dipegang olehnya dan budaya yang diterima olehnya.

Murid-murid yang diserahkan kepada guru berada dalam umur yang mudah menerima ajaran dan mudah dibentuk pemikiran mereka. Telah diperhatikan jika disemai sesuatu nilai atau kepercayaan kepada murid-murid ini, maka nilai ini tidak akan mudah dipisahkan daripada mereka atau ditukarkan dengan yang lain sepanjang hayat mereka. Demikian apabila seseorang murid di ajar menolak sesuatu, walaupun tidak ada sebab yang diberikan kepadanya, penolakan olehnya akan diteruskan sehingga ia membesar dan sehingga meninggal dunia. Sudah tentu jika nilai-nilai yang mulia disemai oleh guru semasa di sekolah, maka murid akan

berpegang teguh kepada nilai-nilai ini juga sepanjang hayatnya. Jika guru-guru di seluruh negara menyemai nilai-nilai dan budaya yang sesuai dengan masyarakat yang bermaruah, yang yakin kepada diri sendiri, yang suka mengejar kejayaan, maka sudah tentu bangsa berkenaan akan mencapai kemajuan dan mendirikan tamaddun yang tinggi.

Bangsa kita telah dijajah beratus tahun lamanya, dalam tempoh itu kita telah hilang keyakinan akan kebolehan diri sendiri. Kita benar-benar percaya bahawa kita adalah bangsa yang lemah pemikiran dan kecekapan. Guru-guru kita pada zaman penjajah juga mempunyai pendapat yang sama. Oleh itu prestasi kita amatlah rendah di zaman penjajah.

Sekarang kita telah bebas dan guru serta pendidik kita mempunyai peluang keemasan untuk menukar budaya lama yang terbentuk di zaman penjajahan dengan budaya baru yang boleh mengangkat martabat bangsa setanding dengan bangsa-bangsa lain yang maju di dunia. Tentulah merugikan bangsa jika kita tidak mengambil peluang ini, tetapi sebaliknya kita semai nilai hidup yang buruk dan membentuk budaya yang akan melemahkan dan merugikan kita.

Saya percaya guru-guru semua sedar akan pengaruh mereka, pengaruh yang boleh menentukan masa depan negara dan bangsa kita. Saya juga percaya "guru kepada guru" yang berada di maktab-maktab juga sedar akan pengaruh ini. Sebagai warga yang cintakan bangsa dan negara, saya percaya peluang untuk membentuk peribadi yang mampu berjaya di kalangan rakyat malaysia akan datang, tidak dilepaskan oleh guru atau "guru kepada guru".

Maju mundurnya sesuatu bangsa bergantung kepada nilai-nilai hidup dan budaya bangsa itu. Kita tahu ada bangsa yang berjaya dan sebaliknya yang dahulu berjaya tetapi sekarang prestasi mereka sudah merosot sehingga luput hilang sama sekali dari muka bumi ini. Semua yang berlaku kepada bangsa-bangsa di dunia ini mempunyai hubung kait yang rapat dengan pertukaran budaya dan nilai hidup yang bertukar dan berubah. Warna kulit, tinggi rendah, asal etnik tidak menentukan berjaya atau tidaknya sesuatu bangsa.

Mengetahui semua ini dan menyedari bahawa nilai-nilai hidup dan budaya boleh disemai dan dibentuk secara terancang, maka tidak ada sebab kenapa bangsa kita tidak boleh dijaya atau dimajukan dengan penyemaian nilai-nilai hidup dan budaya yang sesuai untuk mencapai matlamat kita.

Seperti juga dengan pihak-pihak lain, guru-guru tentulah mempunyai pendapat dan pendirian tertentu terhadap keadaan dalam negara. Mungkin pendirian ini berasas kepada sesuatu yang menimbulkan perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan atau terhadap mana-mana pihak. Mungkin perasaan ini disebabkan oleh salah faham atau mungkin kerana asasnya memang benar. Kita semua perlu memiliki pendirian yang terbuka, sanggup mengejar dan menerima kebenaran, kesanggupan ini penting tetapi sama ada benar atau tidak, tanggungjawab masyarakat guru kepada bangsa dan negara tidak boleh diketepikan. Hanya kerana kita tidak suka kepada mana-mana pihak tidak seharusnya mendorong kita supaya meggagal dan menghancurkan masa depan bangsa dan negara kita dengan menyemai nilai-nilai buruk di kalangan murid kita yang akan menyebabkan bangsa kita berpecah-belah dan lemah di kemudian hari. Sebenarnya yang menjadi mangsa budaya yang buruk yang dibangunkan oleh kita melalui pendidikan di sekolah bukanlah orang yang kita salahkan di masa ini, tetapi anak dan cucu kita sendiri. Merekalah yang akan

menjadi mangsa budaya buruk yang diterapkan oleh mereka semasa di sekolah.

Pada Hari Guru ini masyarakat guru perlu memperingati diri bahawa terdapat dua tanggungjawab guru yang besar. Yang selalu dikaitkan dengan guru ialah menyampaikan berbagai-bagai ilmu supaya rakyat negara ini menjadi orang terpelajar dan dapat bukan sahaja membiayai kehidupan yang sempurna tetapi juga menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara. Di zaman ini. Ilmu yang diperlukan tidak begitu terhad seperti dahulu dan penyampaiannya juga berbeza. Peralatan yang digunakan untuk mengajar sekarang amat canggih sehingga guru terpaksa mempelajari cara penggunaannya yang tidak termasuk dalam kurikulum latihan perguruannya dahulu. Yang lebih aneh ialah kerap kali murid lebih cekap dan lebih mengetahui cara menggunakan alat-alat baru ini. Oleh itu, perlunya diadakan latihan semula guru-guru tidak dapat dielakkan. Tetapi guru yang sedar akan tanggungjawab mereka tentu tidak akan teragak-agak mempelajari cara-cara dan teknik pendidikan yang terkini. Suatu yang perlu kita ingat ialah apa juga yang kita sanggup belajar akan mudah dikuasai jika kita tekun dan mengulangi berkali-kali apa yang dipelajari. Penggunaan internet terutamanya sukar dikuasai dan mudah dilupai jika kita tidak mengamalkannya tiap-tiap hari untuk dibiasakan. Sebenarnya jika komputer dan internet digunakan tiap-tiap hari, ia menjadi begitu mudah sehingga kita akan hairan kenapa dahulu kita berpendapat ianya begitu susah untuk di kuasai. Demikian juga kita akan hairan kenapa masih ada orang yang tidak cekap menggunakan komputer dan internet.

Kerajaan sudah mewujudkan beberapa sekolah bestari yang memerlukan penggunaan komputer dan internet dengan meluas. Amatlah malang jika kita membelanjakan wang yang banyak untuk menubuhkan sekolah bestari ini tetapi kita tidak mendapat manfaat kerana kekurangan guru bestari. Saya berharap semua guru akan bersiap sedia untuk mengajar dalam sekolah bestari kerana kerajaan berhasrat menjadikan semua sekolah di negara ini sekolah bestari. Insya-Allah kita akan berjaya dalam melaksanakan program ini dan rakyat negara ini akan dilengkapi dengan kecekapan yang diperlukan untuk zaman-k atau zaman pengetahuan.

Marilah kita menggembelngkan seluruh tenaga dan usaha ke arah melahirkan ramai pelajar cemerlang dan mempunyai kualiti sebagai fokus kita. Kerajaan telah meletakkan asas yang kukuh untuk membangunkan pendidikan dan guru pula sebagai orang yang secara langsung memainkan peranan ini hendaklah bersamasama menyuluh jalan dan mencari jalan terbaik bagaimana untuk melahirkan pelajar serba boleh dalam bidang pendidikan yang dapat memenuhi tuntutan kerjayanya kelak. Saya berpendapat, memberi fokus kepada aspek kecemerlangan dan kualiti di kalangan pelajar buat masa ini lebih penting berbanding perkara-perkara lain. Kita tidak mahu apabila masalah timbul di kemudian hari akibat perancangan yang tidak betul dan kesemuanya tidak akan membawa apa-apa maknanya lagi. Kita sepatutnya belajar dari kesilapan bukannya terus menerus melakukan kesilapan kerana silap sekali boleh membawa banyak kemusnahan apalagi kalau kita tidak berhati-hati mengelakkan ia daripada terus berulang.

Jika fokusnya telah jelas adalah mudah kepada kita untuk menyusun keutamaan-keutamaan dan menggariskan strategi- strategi berkesan dalam mengatur apa juga perancangan untuk mencapai sasaran melahirkan pelajar berdaya saing. Pelajar melayu khususnya tidak harus dipertikaikan daya saing mereka jika dari awal lagi mereka telah diberi pendedahan pembelajaran secukupnya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kita telah dihadapkan dengan berbagai isu pendidikan dan kerajaan juga dalam masa yang sama turut mendapat berbagai reaksi serta kritikan. Ada yang menyokong langkah-langkah yang kita ketengahkan dan tidak kurang juga yang memberikan pandangan berbeza. Kerajaan menyambut baik setiap cadangan yang dikemukakan kerana pendapat-pendapat awam tetap akan diambil kira dalam setiap keputusan penting yang diambil demi kebaikan semua pihak dan ia mesti ditangani dengan penuh teliti dan berhati-hati. Hasrat kerajaan melalui pendidikan adalah semata-mata mahu menjadikan rakyat negara ini menjadi satu bangsa yang kuat dan berdaulat. Kita mesti bangkit menjadi bangsa yang kuat. Segala keistimewaan yang kita nikmati dalam apa bidang sekalipun termasuk pendidikan sebenarnya tidak mendatangkan apa-apa kesan selagi kita tidak mahu menukar sikap. Jangan sampai hidup kita ditekan baru sedar mahu berubah sebab mungkin pada masa itu segalanya telah terlewat. Jadikanlah setiap kesusahan, dugaan serta cabaran yang kita lalui dalam hidup sebagai satu pelajaran berharga yang dapat membentuk diri kita menjadi manusia yang lebih kuat dengan daya tahan dan daya saing yang tinggi. Dunia pendidikan terbuka seluas- luasnya untuk semua.

Tidak dapat dinafikan bahawa peranan guru dalam menyediakan warganegara yang mampu menangani zaman teknologi maklumat atau IT amatlah besar dan penting. Tanpa kecekapan dalam bidang IT dengan segala alat dan caranya, bangsa kita mungkin ketinggalan zaman dan dikuasai oleh bangsa-bangsa yang cekap menggunakan teknologi maklumat untuk menguasai berbagai cabang disiplin ilmu.

Suasana persekitaran yang berubah dengan cepat dalam era maklumat tanpa sempadan, adalah antara realiti yang menuntut guru-guru memainkan peranan mereka dengan lebih bertanggungjawab. Hakikat ini tidak dapat tidak perlu diterima oleh semua kita. Keadaan yang sama sekali berbeza dengan zaman sebelumnya memerlukan komitmen yang tinggi dari tuan-tuan dan puan-puan untuk melengkapkan diri dan seterusnya menyampaikannya kepada anak bangsa.

Ambillah kesempatan dalam kita menyambut Hari Guru ini, sama- sama kita menguatkan azam dan tekad untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kerana ganjarannya adalah besar bukan sahaja di sisi masyarakat bahkan juga di sisi Allah. Tugas ini sememangnya berat, tetapi saya yakin jika kita semua bekerjasama termasuk anak-anak, ibu bapa dan seluruh masyarakat, hasrat kita akan terhasil dengan kejayaan dalam pendidikan. Hari ini jelas kepada kita bahawa usaha mencapai kejayaan menuntut mentaliti baru di kalangan bangsa kita. Adalah menjadi sandaran kerajaan kepada semua warga pendidik dalam mewujudkan sebuah masyarakat berjaya dan disegani masyarakat antarabangsa. Saya ingin memetik kata seorang pujangga - "jika suatu bangsa dapat menyediakan bakal insan yang berilmu dan berkemahiran, bangsa itu akan dapat melahirkan suatu generasi yang penuh keunggulan".

Kata-kata itu mengakhiri ucapan saya untuk kita jadikan sebagai renungan bersama dan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacita merasmikan pelancaran Hari Guru peringkat negeri Terengganu.

Terima kasih.